

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Bantu penagih kembali ke pangkal jalan
10 Apr 2011
Sinar Harian (Pahang)
NEWS
N/A
Daily
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
p4
172 cm²
Black/white
688
2,064



Bantu penagih kembali ke pangkal jalan

KAMPUNG AWAH - Pusat Pencegahan Dadah (DIC) Jengka yang ditubuhkan empat tahun lalu kini semakin mendapat perhatian pelanggan terdiri daripada penagih disahkan penghidap HIV positif dan sebaliknya.

Pengurusnya, Hashim Said berkata, DIC Projek Jengka dianggotai sembilan kakitangan tetap yang semuanya adalah bekas penagih kecuali seorang kerani tadbir.

Menurutnya, kesemua kakitangan terlibat sama dalam pelbagai aktiviti kebajikan dalam kalangan penagih bertujuan membantu memulihkan mereka dengan pendekatan tersendiri melalui kerjasama agensi dan jabatan kerajaan.

"Masih ramai tidak tahu DIC bukan sahaja membantu penagih dadah kembali ke pangkal jalan malah menjadi penghubung antara jabatan kerajaan bagi membantu keluarga pena-

“Apa yang diharapkan adalah peranan pemimpin masyarakat yang berpengaruh supaya dapat bekerjasama dengan DIC dalam melaksanakan program.”

- Hashim

gih yang meninggal dunia.

"Sembilan kakitangan DIC Projek Jengka juga mempunyai sijil pengurusan jenazah yang membolehkan mereka menguruskan jenazah pesakit AIDS dengan kerjasama Pejabat Kesihatan daerah," katanya.

Hashim berkata, pendekatan yang digunakan DIC lebih kepada turun padang dengan mengadakan pelbagai program.

Menurutnya, walaupun masih ramai tidak tahu fungsi dan peranan dimainkan DIC namun terdapat segelintir pemimpin yang mengambil langkah bijak.

"Sebagai contoh ada dalam kalangan pemimpin di

Jengka memberi keizinan kepada DIC menggunakan dewan mereka ketika kami mengadakan program pertukaran jarum suntikan penagih.

"Apa yang diharapkan adalah peranan pemimpin yang berpengaruh supaya bekerjasama dengan DIC dalam melaksanakan program," katanya.

Beliau berkata, sepanjang mengadakan program, ramai penagih yang ditemui melahirkan keinginan untuk berhenti kerana merasakan diri mereka di terima masyarakat.

DIC Projek Jengka beroperasi di Kampung Awah melaksanakan program dalam daerah Temerloh, Maran dan Jerantut.